

Qalam

KDN 434

151, Ramaḍān 1382, Februari 1963, 60 sen

“Perang Politik” Sebagai Permulaan Penjajahan

Sukarno

Menteri Luar Indonesia Soebandrio telah mengisytiharkan “perang politik” kepada Malaya kerana, menurutkan katanya, Malaya bercorak golongan *neo-colonialist* dan *neo-imperialist* yang bersikap jahat kepada Indonesia. Langkah ini katanya diambil dengan keadaan terpaksa terhadap tetangga kita yang “sentiasa kita anggap sebagai sahabat akrab dan saudara”.

“Kita terpaksa mengambil sikap tersebut terhadap Malaya oleh kerana sekarang mereka menunjukkan diri mereka sebagai komplotan dalam golongan *neo-colonialist* dengan *neo-imperialist* yang bersikap jahat terhadap Indonesia”, katanya.

Apa yang dibuat oleh Soebandrio, bukanlah suatu perkara yang tidak dijangka oleh orang-orang yang mengetahui cara agresif yang dibuat komplotan Sukarno untuk meluaskan jajahannya. Komplotan Sukarno dari dahulu, sentiasa membuat satu, lepas satu keributan untuk menutup fikiran dan perasaan rakyat atas penderitaan hidup mereka yang melarat sekarang. Langkah ini dibuat untuk menjadikan sebab bahawa kesusahan itu ada bersebab untuk negara.

Sesudah Irian Barat reda maka tibalah saatnya mencari perkara lain yang boleh dijadikan sebab

untuk menumpukan perhatian rakyat. Tercetus sahaja peristiwa Brunei, yang dipercayai telah ditaja oleh Sukarno sendiri, sama ada tepat atau tidak tepat, maka mulailah ditumpukan perhatian menghadapi Borneo, Sabah, Brunei, dan Sarawak dengan alasan-alasan cintakan kemerdekaan dari penjajahan lama dan baru, tetapi hakikatnya adalah untuk mengalih perasaan rakyat daripada satu pekerjaan dijadikan sebab bahawa negeri dalam darurat.

Ini ialah selain daripada tujuan cita-citanya untuk berkuasa dan menjadi “maharaja” di dalam Tenggara Asia ini.

Walau bagaimanapun diterangkan kedudukan sebenar dalam Brunei, Sukarno dan rakan-rakannya tidak mau tau. Ini berlaku sebabnya kerana perkara Brunei itu telah direncanakannya semenjak ia berkuasa di Indonesia, terutamanya semenjak ia dapat meruntuhkan kekuatan musuhnya.

Dengan keadaan yang serupa ini maka sebelum lagi lewat masanya, menjadi kewajipan kepada kerajaan di Malaya membendung apa jua kemaraan Indonesia di Malaya, bukannya sahaja di dalam medan-medan perang yang harus dilancarkan tetapi dari sekarang kerajaan mestilah memerhati keadaan-keadaan sayap kelima Indonesia yang berkeliaran di Malaya. Dari sekarang mestilah diambil langkah untuk menghalang segala kemaraan ini. Beringat sebelum kena lebih utama daripada leka dengan membendung komplotan Sukarno sebagai saudara sedarah daging dengan Malaya.

* * *

Kebersihan dan Kesihatan Dalam Bandar Jadi

Korban?

Sesudah Singapura diperintah sendiri, maka banyaklah bangunan-bangunan besar terus-menerus didirikan sebagai sambungan daripada langkah-langkah yang telah dijalankan pada masa-masa yang lalu. Ini adalah ditujukan kerana memberi peluang

kepada umum supaya mendapat tempat yang sihat dan menjaukan daripada duduk berasak-asak di dalam rumah-rumah lama yang biasa berlaku.

Umat semakin bertambah dan dengannya maka kesihatan rakyat mustahak pula menjadi perhatian kerajaan.

Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk menghadapi ini. Klinik-klinik dibuka di sana sini bagi memudahkan rakyat jelata mendapat perhatian dengan percuma. Langkah ini patut dipuji. Beribu-ribu manusia setiap hari datang berubat ke sana. Adakah langkah kerajaan ini akan berjaya dan kesihatan rakyat akan terjamin?

Soal ini patut menjadi tanda tanya kepada pegawai-pegawai kesihatan, kerana tidak bererti segala usaha mencegah penyakit kalau punca datangnya penyakit tidak dikawal. Menurut pendapat kita, kerajaan patut memerhatikan hal-hal penjaja yang berjaja barang makanan di tepi jalan yang tumbuh merebak di sana sini. Ini terjadi sama ada makanan yang dimasak atau yang tidak dimasak.

Di sekeliling rumah-rumah yang indah; di lorong-lorong yang terkemuka di sana dibangunkan bangsal-bangsal jualan dengan semau-maunya. Di sana becak dan di tengah-tengah jalan berjalannya motokar yang menggunakan enjin-enjin diesel yang mengeluarkan asap-asap terus hinggap kepada barang-barang yang dimakan.

Dahulu, di dalam masa penjajah, jualan seperti ini sangat-sangat ditegah dan penjaja-penjaja ditangkap tetapi berhubung keadaan badan-badan politik sekarang, penjaja-penjaja yang tidak teratur dengan rapi dan berbuat semau-maunya sahaja, adalah terbiar dan membuat kekotoran di mana-mana. Ini sudah tentu membawa kepada benih-benih yang merosakkan kesihatan rakyat.

Dengan perbuatan-perbuatan kerajaan membiarkan penjaja-penjaja semau-maunya itu bolehlah disifatkan bererti membiarkan wabak penyakit merebak dan usaha menggalang penyakit tidak bermakna membawa faedah lagi. Oleh itu kita berharap kerajaan hendaklah bertindak bagi menghapuskan

kekotoran-kekotoran di jalan-jalan dan di tepi-tepi bangunan serta mengatur pasar-pasar sementara yang kotor keadaannya kerana berbahaya kepada kesihatan kesejahteraan rakyat.

* * *

Ke Mana PAS Dibawa?

Umum mengetahui bahawa PAS ialah sebuah pertubuhan Islam yang berdasarkan untuk menyampaikan supaya hukum Islam berdaulat di negeri ini dan dasarnya keluar adalah yang utamanya merapatkan ukhuwah Islamiah di antara umat Islam sedunia – dan menghapuskan penjajahan dari segala seginya. Fahaman ini umum diketahui oleh umat Islam, terutamanya yang ada menaruh simpati kepada PAS.

Corak PAS banyak mengutamakan kepada dasar *nationalist* yang dianut oleh *Malay Nasionalist Party* (M.N.P) telah dapat dilihat beberapa masa masa yang lalu tetapi tidak berapa jelas benar. Kita telah pernah menulis dalam perkara ini untuk menarik perhatian pengikut-pengikut PAS dalam perkara ini untuk menarik perhatian pengikut-pengikut PAS yang dipimpin oleh kebanyakan pemimpinnya dari parti yang tersebut.

Sebagaimana cara M.N.P. menari maka nampaknya tarian itu juga sekarang dibawa di dalam PAS dengan cuba menggunakan kekuatan luar atau hampir dengan pertubuhan luar yang berhaluan kiri untuk mencari kerjasama.

Tarian ini semakin jelas kelihatan apabila terjadi peristiwa berdarah di Brunei yang dipelopori oleh parti rakyat Brunei.

Di dalam *Parliament* Persekutuan Tanah Melayu, menerusi Hassan Adli, ahli PAS, telah membela pemberontakan berdarah di Brunei dan membela kerajaan Indonesia dengan mencabar pihak kerajaan kerana kononnya “telah memberi tempat kepada kaum pemberontak Indonesia” tinggal di Malaya